



## مجلس باندري ملاك برسجاره

### MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

#### KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DAN TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA
<b>MBMB/SH/2022/94</b>  <b>CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BUMBUNG DI LALUAN TERBUKA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI MEDAN SELERA TAMAN SERI TELOK MAS, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH.</b>  Tarikh Kelulusan : <b>24/6/2022</b>  <b>MBMB/JK/00628 (P)</b>	Gred G2 (Seluruh Negeri Melaka)  Kategori B  Pengkhususan B04	Melalui : Kaunter Utama Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.  -----  Melalui : Emel <a href="mailto:eperolehan@mbmb.gov.my">eperolehan@mbmb.gov.my</a>   <b>Selasa, 28 Jun 2022 hingga Selasa, 5 Julai 2022 pada waktu pejabat</b>	Serahan tangan : Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.  -----  Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.  <b>Selasa, 5 Julai 2022 pada jam 12.00 tengah hari</b>	<b>Selasa, 28 Jun 2022 Jam 10.00 pagi</b> Berkumpul di Medan Selera Taman Seri Telok Mas  Koordinat Lokasi : <b>2.162320, 102.323537</b>	<b>RM40.00 (Naskah)</b>        <b>Percuma (Softcopy)</b>

Naskah sebut harga boleh disemak di **Kaunter Utama Jabatan Kewangan Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka** pada waktu pejabat bermula **28 Jun 2022**. Bayaran Dokumen Sebut harga hendaklah di buat dalam bentuk **Tunai, Draf Bank atau Cek** di atas nama **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

Kontraktor dikehendaki membawa salinan asal **Kad Pengenalan, cop syarikat, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta satu salinan bagi setiap sijil di atas semasa membeli dokumen sebut harga. **Bagi yang menghantar wakil hendaklah membawa surat wakil yang asal.** Dokumen sebut harga juga boleh didapatkan secara percuma dengan menghantar emel bertajuk butir-butir sebut harga berkaitan serta memuatnaik salinan **Kad Pengenalan, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui emel [eperolehan@mbmb.gov.my](mailto:eperolehan@mbmb.gov.my). Pihak tuan boleh melayari laman web MBMB di [www.mbmb.gov.my](http://www.mbmb.gov.my) untuk melihat kenyataan sebut harga ini.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :-

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,  
Lobi Jabatan Kewangan,  
Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1,  
Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh,  
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka**

Jika sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

**DATUK BANDAR**

**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam  
Papan-Papan Kenyataan MBMB